

01/07/1998

Masalah operasi KLIA akan diatasi

Ebi Azly Abdullah

SEPANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha sedang dilakukan untuk mengatasi masalah yang timbul pada hari pertama operasi Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, masalah itu termasuk kerosakan sistem komunikasi sehingga menyebabkan penerbangan terlewat berlepas, sistem daftar masuk terpaksa dijalankan secara manual dan penerbangan yang berlepas tanpa bekalan makanan.

Bagaimanapun, menurutnya, masalah itu tidak menimbulkan 'komplikasi yang serius' dan semua langkah sedang diambil untuk mengatasinya.

"Ada juga lapangan terbang baru yang dibuka, tetapi tidak dapat berfungsi langsung," katanya selepas diberi taklimat mengenai operasi hari pertama KLIA hari ini, sekembalinya dari Langkawi.

KLIA yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar Sabtu lalu memulakan operasinya pada jam 7 pagi tadi dengan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menaiki pesawat Boeing 777 Penerbangan Malaysia (MAS), penerbangan berjadual pertama menggunakan KLIA. Mereka diiringi Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli ke Langkawi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, bagi pihak kementerian memohon maaf kepada penumpang yang ketinggalan penerbangan atau penerbangan mereka lewat berlepas.

Dr Mahathir berkata, kerosakan dalam talian sistem komunikasi bermula awal pagi menyebabkan beberapa bahagian tidak dapat saling berhubungan.

"Akibatnya, berlaku kelewatan penerbangan, bekalan makanan tidak dapat dibuat dan ada penerbangan yang tidak dibekalkan makanan.

"Tetapi sekarang ini semua itu sudah dikenal pasti apa yang salah dan diharap dalam satu atau dua jam lagi masalah komunikasi dapat diselesaikan," katanya.

Perdana Menteri berkata, disebabkan lapangan terbang itu besar, lebih banyak papan tanda akan dipasang bagi membantu orang ramai.

"Jurupandu akan disediakan malam ini bagi membawa penumpang ke pintu berlepas," katanya.

Ketika ditanya apakah ada sistem sokongan jika berlaku kerosakan komunikasi, Perdana Menteri berkata: "Sepatutnya ada, tetapi apa yang mereka lakukan ialah menggunakan telefon bimbit mereka."

Operasi hari pertama di KLIA pagi ini terganggu apabila dua komponen utamanya mengalami kerosakan teknikal.

Dua komponen penting itu ialah Sistem Pemprosesan Pendaftaran Masuk Penumpang (PCPS) yang membabitkan pengendalian daftar masuk penumpang dan Sistem Pengendalian Bagasi (BHS) yang melaksanakan penghantaran bagasi.

Difahamkan, kerosakan PCPS itu menyebabkan beberapa penerbangan domestik dan antarabangsa MAS serta syarikat lain, terpaksa ditangguh sekurang-kurangnya dua jam.

Bagi BHS pula, sistem yang sepatutnya beroperasi secara automatik gagal berfungsi sepenuhnya menyebabkan pengendalian terpaksa dilaksanakan secara manual sehingga ada penumpang terpaksa menunggu lebih tiga jam untuk mendapatkan bagasi.

Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim ketika ditemui bagaimanapun berkata, beliau memang menjangka 'beberapa masalah kecil' dalam operasi awal KLIA.

Menurutnya, masalah dalam pelaksanaan PCPS adalah tanggungjawab kontraktor sistem itu, bukannya MAB.

( END )